

**BERSAMA
MENTERI LUAR**
... Fandyi
Sanizan
(kanan)
bergambar
bersama Datuk
Seri Anifah
Aman.



Fandyi Sanizan tersenarai dalam Program Felo Perdana

NST 16.7.2014 11

KOTA KINABALU: Presiden Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Malaysia Sabah (UMS), Fandyi Sanizan Jurup mengharumkan nama universiti apabila telah terpilih untuk menyertai Program Felo Perdana bagi tahun 2014.

Kejayaan Fandyi Sanizan menempatkan diri dalam 70 peserta daripada 1400 penyertaan adalah satu pencapaian yang membanggakan apatah lagi beliau calon pertama dalam kalangan pelajar UMS yang terpilih untuk menyertai program tersebut.

Pemilihan yang dibuat berdasarkan prestasi dalam bidang kepimpinan dan akademik, menyaksikan beliau bakal ditugaskan di bawah Kementerian Luar Negeri Malaysia.

Fandyi ketika ditemui pada satu majlis penyampaian watikah pelantikan Felo Perdana berkata, beliau sangat bersyukur kerana ditempatkan di bawah kementerian yang sememangnya beliau idamkan.

"Banyak persaingan daripada kalangan felo lain yang turut berhasrat untuk bertugas di bawah kementerian ini, dan saya sangat gembira apabila terpilih untuk berkhidmat bersama Kementerian Luar Malaysia," katanya.

Fandyi dijangka akan memulakan tugas pada bulan Oktober ini sehingga April tahun depan, dan berpeluang untuk disambung perkhidmatan

bersama kementerian tersebut sekiranya berjaya menunjukkan perkhidmatan yang baik sepanjang tempoh berkenaan.

Antara peserta Program Felo Perdana ini adalah pelajar-pelajar Malaysia dari dalam dan luar negeri seperti Michigan University, Melbourne University, Oxford University dan sebagainya, selain pelajar dari Universiti Malaya, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Universiti Sultan Zainal Abidin, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, UKM dan UMS.

Program Felo Perdana dirangka bertujuan untuk melatih anak muda dalam bidang kepimpinan dan dapat mendidik anak muda untuk memahami dasar dan pentadbiran negara.

Program felo ini juga melatih anak muda berkaitan selok belok pentadbiran negara, di samping memberi peluang kepada anak muda untuk menyumbang idea kepada kerajaan dalam mengangkat aspirasi negara di peringkat antarabangsa.

Kesemua peserta Felo Perdana menerima watikah pelantikan daripada Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Najib Tun Razak sebelum berjumpa dengan menteri mentor masing-masing pada Majlis Penyerahan Rasmi Peserta-Peserta Program Felo Perdana Kepada Jemaah Menteri di Dewan Taklimat ICU, Bangunan Perdana Putra, Putrajaya.



KENANGAN... Fandyi Sanizan bersama Menteri dan pegawai Kementerian Luar Negeri Malaysia.



TERPILIH... Antara 70 peserta program Felo Perdana yang terpilih.